


Modul Kesedaran Alam Sekitar

MANUAL PANDUAN GURU TADIKA



Diterbitkan Oleh

Jabatan Alam Sekitar



Edaran
PERCUMA

KANDUNGAN

Muka Surat

1. Panduan Menggunakan Buku Aktiviti Kanak-Kanak dan Manual Panduan Guru	ii
2. Modul Air	1
3. Modul Tumbuh-Tumbuhan	17
4. Modul Haiwan	31
5. Modul Udara	47
6. Modul Kitar Semula	59

PANDUAN MENGGUNAKAN BUKU AKTIVITI KANAK-KANAK DAN MANUAL PANDUAN GURU

Buku aktiviti dan manual panduan guru hanyalah sebagai cadangan sahaja. Guru tidak perlu mengikut setiap cadangan dan aktiviti yang diberikan dengan sepenuhnya. Segala aktiviti yang terdapat dalam modul ini perlulah dilakukan dengan budi bicara yang kebijaksanaan guru-guru mengikut keselesaan dan minat kanak-kanak. Semua aktiviti yang dicadangkan boleh dilakukan secara fleksibel dan tidak terhad kepada aktiviti dalam bilik darjah sahaja. Perancangan aktiviti tidak semestinya dilaksanakan dalam bentuk yang berstruktur. Sekiranya kanak-kanak memerlukan masa yang lebih untuk menyiapkan sesuatu aktiviti, guru perlulah memberi mereka masa tambahan untuk menyiapkannya. Sekiranya mereka telah menyelesaikan aktiviti lebih awal, mereka boleh melakukan aktiviti yang seterusnya.

Setiap aktiviti yang terdapat dalam modul mempunyai fungsi yang tersendiri untuk memupuk semangat kesedaran dan kecintaan terhadap alam sekitar. Setiap aktiviti juga mempunyai potensi untuk menggarap perkembangan kanak-kanak. Modul ini mencadangkan aktiviti yang menyumbang kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh daripada segi fizikal, persepsi, intelek, bahasa, sosial, emosi dan moral. Tumpuan khas juga diberikan kepada teknik dan bahan pengajaran yang menyokong Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003) yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kandungannya dapat dimanfaatkan oleh guru prasekolah dan pembantunya serta mereka dalam bidang ini.

MODUL AIR

Pengenalan:

Pencemaran air berlaku apabila terdapat perubahan daripada segi kandungan, keadaan, warna dan kualiti air. Perubahan-perubahan ini memberi kesan negatif apabila digunakan. Pencemaran air berlaku bukan hanya di sungai tetapi juga di laut, pantai dan lain-lain lagi sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Kesan-kesan pencemaran air menimbulkan banyak masalah terhadap hidupan-hidupan di dunia pada masa kini termasuklah kepada manusia sendiri. Sehubungan dengan itu, kanak-kanak perlu didedahkan kepada kepentingan menjaga sumber air dan cara-cara mengelakkan daripada berlakunya pencemaran air.

Hasil Pembelajaran:


1. Kanak-kanak dapat menyebut kesan pencemaran air.
2. Kanak-kanak dapat mengetahui sumber air.
3. Kanak-kanak dapat menceritakan kitaran air.
4. Kanak-kanak dapat menyenaraikan kegunaan air.
5. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan yang hidup di dalam air.
6. Kanak-kanak mengetahui sifat-sifat air.
7. Kanak-kanak mengetahui punca pencemaran air.
8. Kanak-kanak mengetahui kesan pencemaran air.
9. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara untuk menjimatkan air.
10. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara untuk menjaga kebersihan air.

Aktiviti 1 : Kesan Pencemaran Air

1. Guru menunjukkan gambar seperti yang terdapat dalam buku aktiviti.
2. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam setiap gambar.
3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang kesan pencemaran air.

Contohnya:

- a. Tumbuhan mati.
 - b. Ikan dan hidupan air mati.
 - c. Banjir kilat berlaku.
 - d. Keracunan makanan.
4. Guru boleh menunjukkan gambar-gambar berkaitan banjir dan menyoal berkenaan gambar tersebut. Contohnya:
 - a. Apakah warna air dalam gambar ini?
 - b. Adakah air ini bersih?
 - c. Bolehkah kamu minum air ini?
 - d. Kenapa keadaan ini berlaku?
 5. Guru meminta kanak-kanak menceritakan pengalaman ketika banjir (minta kanak-kanak yang pernah mengalami situasi banjir untuk berkongsi pengalaman tersebut).



6. Guru mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu di bawah:

Rain, rain, go away!
Come again another day,
Daddy wants to play,
Rain, rain, go away!

Rain, rain, go away!
Come again another day,
Mommy wants to play,
Rain, rain, go away!

Rain, rain, go away!
Come again another day,
Brother wants to play,
Rain, rain, go away!

Rain, rain, go away!
Come again another day,
Sister wants to play,
Rain, rain, go away!

Rain, rain, go away!
Come again another day,
Baby wants to play,
Rain, rain, go away!

Rain, rain, go away!
Come again another day,
All the family wants to play,
Rain, rain, go away!


7. Sambil menyanyi, guru boleh mengajak kanak-kanak membuat gerakan-gerakan mudah seperti menggoyangkan tangan dan kepala.

Rumusan :

1. Kanak-kanak mengetahui maksud pencemaran air.
2. Kanak-kanak dapat menyebut kesan pencemaran air.

Aktiviti 2: Mari Mewarna

1. Guru bertanyakan soalan seperti, “Apakah yang terdapat dalam gambar ini?”
2. Guru meminta kanak-kanak menceritakan situasi dalam gambar tersebut.
3. Guru meminta kanak-kanak mewarnakan gambar yang terdapat dalam buku aktiviti dengan warna yang sesuai. Contoh:
 - a. Air laut berwarna biru.
 - b. Matahari berwarna merah/oren.
4. Kanak-kanak mewarnakan gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
5. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar yang terhasil. Contohnya:
 - a. Apakah warna air laut?
 - b. Apakah rasa dan bau air laut?
 - c. Adakah air laut ini bersih?
 - d. Pernahkah kamu mandi di laut?
6. Guru boleh mengajak kanak-kanak berkongsi pengalaman mereka berkelah di tepi pantai.




Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mewarna dengan cara yang betul
2. Kanak-kanak dapat menghargai kepentingan menjaga kebersihan air laut/pantai.

Aktiviti 3: Mari Bercerita

1. Guru menunjukkan gambar kitaran air dan kanak-kanak menyebut apa yang mereka lihat dalam gambar tersebut.
2. Guru menceritakan kepada kanak-kanak tentang apa yang dimaksudkan dengan kitaran air.



3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak dari mana datangnya sumber air.
4. Kanak-kanak dapat bercerita tentang kitaran air.
5. Guru boleh mengajak kanak-kanak menyanyi bersama-sama lagu di bawah:

Tanya sama pokok,
 Apa sebab goyang?
 Nanti jawab pokok,
 Angin yang goncang.

Tanya sama angin,
 Apa sebab hujan?
 Nanti jawab angin,
 Tanyalah awan.

Awan nanti kata,
 Aku kandung air,
 Sampai tempat sejuk,
 Aku pun cair.

Lihat dalam air,
 Nampak bayang-bayang,
 Campak satu batu,
 Bayang pun hilang.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengetahui sumber air.
2. Kanak-kanak dapat menceritakan kitaran air.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

1. Guru meminta kanak-kanak menceritakan gambar yang ditunjukkan dalam buku aktiviti.
2. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah:

Contoh:

ba + suh


mi + num

si + ram

sa + bun

bi + las

se + dut



3. Guru meminta kanak-kanak membulatkan huruf vokal (a, i, dan u) yang terdapat dalam perkataan di atas.
4. Kanak-kanak menamakan dan membunyikan huruf vokal dalam perkataan tersebut.
5. Kanak-kanak melengkapkan huruf bagi perkataan yang ditunjukkan.
6. Guru juga boleh mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu di bawah:

Air pasang pagi,
 Surut pukul lima,
 Bangun pagi-pagi,
 Siram pokok bunga.


Pokok bunga melur,
Tanam tepi batas,
Itik dah bertelur,
Ayam dah menetas.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengeja dan membaca suku kata yang mudah.
2. Kanak-kanak dapat menyenaraikan kegunaan air.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

1. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak bahan-bahan untuk membuat lukisan straw.
2. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak cara-cara untuk menyediakan warna air.




3. Guru mencelup straw ke dalam warna air dan meniupnya ke atas kertas.
4. Kanak-kanak melakukan aktiviti meniup straw ke atas kertas lukisan masing-masing.
5. Guru menggalakkan kanak-kanak membuat pelbagai corak mengikut kreativiti masing-masing.
6. Lukisan yang sudah siap ditampal di papan kenyataan kelas.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat membuat lukisan straw mengikut kreativiti masing-masing.
2. Kanak-kanak dapat mengetahui kegunaan air dalam aktiviti melukis.

Aktiviti 6: Mari Mengira

1. Guru meminta kanak-kanak menamakan haiwan-haiwan yang hidup di dalam air.
2. Guru meminta kanak-kanak menamakan haiwan yang terdapat di dalam gambar.
3. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan haiwan tersebut.
4. Guru menerangkan konsep penambahan berdasarkan objek yang diberi.
5. Kanak-kanak mencari jumlah penambahan dengan membilang terus.
6. Guru meminta kanak-kanak mengulang aktiviti tambah dengan menyebut ayat. Contoh:
 - a. Satu tambah satu sama dengan dua.
 - b. Satu tambah dua sama dengan tiga.
 - c. Dua tambah dua sama dengan empat.
7. Guru memperkenalkan simbol tambah (+) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik.
8. Kanak-kanak menyatakan ayat matematik operasi tambah. Contohnya:
 - a. $1 + 1 = 2$
 - b. $1 + 2 = 3$
 - c. $2 + 2 = 4$



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan yang hidup di dalam air.
2. Kanak-kanak dapat mengira dan memahami konsep penambahan mudah.

Aktiviti 7: Siapa Saya?

1. Guru meminta kanak-kanak mewarnakan bahagian yang bertanda titik dalam gambar dengan warna biru.
2. Guru meminta kanak-kanak meneka gambar yang terhasil.
3. Guru boleh mengaitkan aktiviti mewarna ini dengan tiga sifat air, iaitu pepejal, cecair dan wap.
4. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang haiwan yang tinggal di kawasan kutub (penguin, beruang kutub, singa laut dan lain-lain).
5. Kanak-kanak boleh didedahkan dengan isu pemanasan global dan kesannya kepada haiwan-haiwan di kutub tersebut.
6. Guru boleh menayangkan rakaman video berkaitan aktiviti bermain ski kepada kanak-kanak.



Rumusan :

1. Kanak-kanak mengetahui sifat-sifat air.
2. Kanak-kanak mendapat gambaran tentang permainan ski.

Aktiviti 8: Padankan Gambar

1. Guru meminta kanak-kanak menceritakan apa yang dilihat dalam gambar.
 2. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai punca dan kesan pencemaran air terhadap alam sekitar.
- Contohnya:




- a. Pencemaran air – tumpahan minyak, sampah sarap.
 - b. Pencemaran udara – asap rokok, asap kilang, asap kereta.
3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang kesan pencemaran air terhadap:
 - a. Haiwan.
 - b. Tumbuh-tumbuhan.
 - c. Manusia.
 4. Kanak-kanak memadankan gambar pencemaran air dan kesan-kesannya.
 5. Guru boleh menunjukkan slaid atau rakaman video berkaitan kesan pencemaran air.

Rumusan :

1. Kanak-kanak mengetahui punca pencemaran air.
2. Kanak-kanak mengetahui kesan pencemaran air.

Aktiviti 9: English Section

1. Teacher gives instruction and children carry them out.
2. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.
3. Teacher helps children to find the hidden words.



4. Children are encouraged to ask questions about the hidden words.

Summary:

1. Children can learn to use correct pronunciation
2. Children can find the words related to the sea.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

1. Guru berbincang dengan kanak-kanak mengenai situasi dalam gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
2. Guru berbincang dengan kanak-kanak mengenai situasi dalam gambar tersebut.
3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan untuk menjimatkan penggunaan air.
4. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang cara-cara yang boleh dilakukan untuk menjaga kebersihan air.



Rumusan:

1. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara untuk menjimatkan air.
2. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara untuk menjaga kebersihan air.

MODUL TUMBUHAN

Pengenalan:

Hutan bukan sahaja berfungsi sebagai habitat kepada flora dan fauna tetapi mempunyai kepelbagaian fungsi seperti sumber ubat-ubatan dan kawasan tadahan air. Walau bagaimanapun, faktor cuaca dan perilaku manusia semakin menggugat kestabilan alam dan menyebabkan kepupusan flora dan fauna. Kerajaan kita sangat prihatin terhadap penjagaan hutan di negara ini. Pelbagai program dilaksanakan termasuk memperuntukkan hutan simpan kekal supaya dapat menyeimbangi suasana alam sekitarnya. Walau bagaimanapun, tanggungjawab ini bukan hanya dipikul oleh kerajaan. Semua pihak seharusnya memainkan peranan masing-masing. Sehubungan dengan itu, pengetahuan tentang penjagaan tumbuhan atau hutan perlulah diterap sejak dari awal kanak-kanak lagi supaya sikap cintakan tumbuh-tumbuhan dan hutan dapat dibentuk.


Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan menjaga tumbuh-tumbuhan.
2. Kanak-kanak dapat bercerita kesan kemusnahan hutan.
3. Kanak-kanak dapat menyebut nama-nama bunga.
4. Kanak-kanak dapat menyebut nama-nama pokok yang terdapat di sekeliling mereka.
5. Kanak-kanak dapat menyebut nama buah-buahan.
6. Kanak-kanak dapat menceritakan asal usul pokok.
7. Kanak-kanak dapat menceritakan kitaran hidup sebatang pokok.

Aktiviti 1 : Kepentingan Menjaga Tumbuh-Tumbuhan

8. Guru menunjukkan gambar dan menyoal kanak-kanak seperti “Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini?”

9. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam setiap gambar.



10. Guru boleh menceritakan kepentingan hutan dan tumbuh-tumbuhan kepada manusia. Contohnya:

- Sumber makanan kepada manusia dan haiwan.
- Tempat tinggal atau habitat haiwan.
- Elak tanah terhakis.
- Elak banjir.

11. Guru menceritakan kesan-kesan yang berlaku sekiranya hutan tidak dijaga seperti yang ditunjukkan dalam buku aktiviti.

12. Guru boleh menyoal kanak-kanak dengan soalan-soalan seperti:

- Haiwan manakah yang makan tumbuh-tumbuhan?
- Haiwan manakah yang tinggal di dalam hutan?
- Apakah yang berlaku kepada haiwan-haiwan ini jika semua tumbuh-tumbuhan mati?

13. Guru juga boleh mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu di bawah:

Oh bulan mana bintang,
Atas pucuk kayu ara,
Oh tuan mana hilang,
Dalam dapur atas para.


Sorong papan tarik papan,
Buah keranji dalam perahu,
Suruh makan saya makan,
Suruh mengaji saya tahu.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan menjaga tumbuh-tumbuhan.
2. Kanak-kanak dapat bercerita kesan kemusnahan hutan.

Aktiviti 2: Mari Mewarna

7. Guru meminta kanak-kanak membilang angka 1-27.
8. Guru meminta kanak-kanak menyambung angka-angka tersebut mengikut urutan.
9. Kanak-kanak menyambung titik-titik angka bagi menghasilkan gambar yang lengkap.
10. Kanak-kanak diminta untuk mewarnakan gambar yang terhasil.
11. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar yang terhasil. Contohnya:
 - a. Apakah nama bunga ini?
 - b. Apakah warna bunga ini?
 - c. Berapakah bilangan kelopak yang terdapat pada bunga ini?
 - d. Adakah kamu pernah melihat bunga ini?
12. Guru boleh mengaitkan bunga raya sebagai bunga kebangsaan negara.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyambung titik-titik mengikut urutan nombor yang betul.
2. Kanak-kanak dapat bercerita tentang ciri-ciri bunga kebangsaan.

Aktiviti 3: Mari Bercerita

6. Guru dan kanak-kanak berbincang mengenai gambar yang dilihat.
 7. Guru memperkenalkan nama bunga yang terdapat di dalam gambar.
 8. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dengan bebas mengenai gambar yang dilihat.
-
9. Guru menceritakan tentang ciri-ciri bunga rafflesia. Contohnya:
 - a. Bunga rafflesia adalah bunga terbesar di dunia.
 - b. Bunga ini tidak mempunyai daun, batang atau dahan.
 - c. Selalunya berwarna merah kecoklatan dan berbintik-bintik putih.
 - d. Bunga ini berbau busuk.
 - e. Sejenis tumbuhan parasit kerana menyerap makanan daripada tumbuh-tumbuhan lain.
 - f. Boleh dijumpai di negeri Sabah.
 10. Guru boleh meminta kanak-kanak menamakan bunga-bunga lain yang mereka ketahui.
 11. Guru juga boleh meminta kanak-kanak menceritakan ciri-ciri bunga yang disebut tadi.


Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengetahui ciri-ciri bunga rafflesia.
2. Kanak-kanak dapat menyebut nama-nama bunga.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

7. Guru meminta kanak-kanak menyebut bahagian-bahagian yang terdapat pada sebatang pokok.

8. Guru boleh menunjukkan gambar pokok atau mengajak kanak-kanak keluar untuk melihat pokok-pokok yang ada di persekitaran bilik darjah.



9. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah:

Contoh:

hu + tan

be + nih

da + han

ran + ting

10. Sekiranya ada masa, kanak-kanak boleh mewarna gambar-gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.

11. Guru juga boleh mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu di bawah:

Saya ada kuda,
Dibuat oleh ayah,
Leher pakai tali,
Kudaku mahu lari.


Oh! Kudaku garang,
Ekornya sangat panjang,
Kuda ayah buat,
Dari pelepah pisang.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama-nama pokok yang terdapat di sekeliling mereka.
2. Kanak-kanak dapat mengeja perkataan-perkataan yang diberi.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

7. Guru menyediakan bahan-bahan untuk menanam pokok.
8. Guru menunjukkan bahan-bahan tersebut kepada kanak-kanak dan meminta mereka menyebutnya beramai-ramai.



9. Guru boleh mengajak kanak-kanak mewarnakan bekas kosong terlebih dahulu dengan menggunakan berus dan warna air.
10. Guru kemudiannya menerangkan langkah-langkah untuk menanam pokok.
11. Guru menunjukkara setiap satu langkah kepada kanak-kanak.
12. Kanak-kanak dibimbing untuk menanam pokok.
13. Guru menyoal kanak-kanak tentang aktiviti yang dilakukan. Contohnya:
 - a. Apakah warna benih ini?
 - b. Mengapa benih perlu disiram dengan air?
 - c. Berapa kalikah pokok perlu disiram dalam sehari?
 - d. Bilakah masa yang sesuai untuk menyiram pokok?
14. Guru boleh menceritakan kepada kanak-kanak tentang pentingnya meletakkan pokok kepada cahaya matahari.
15. Nota : Guru mengingatkan kanak-kanak untuk menyiram pokok setiap hari.

16. Apabila telah tumbuh, guru boleh mengajak kanak-kanak berbincang tentang warnanya dan bahagian-bahagian yang terdapat pada tumbuhan itu.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengikut arahan mudah berkaitan aktiviti yang dilakukan.
2. Kanak-kanak dapat bercerita tentang pokok yang ditanam.

Aktiviti 6: Mari Mengira

9. Guru meminta kanak-kanak menyebut nama buah-buahan tempatan.

10. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan buah yang terdapat di dalam gambar.

11. Guru menerangkan konsep penambahan berdasarkan objek yang diberi.

12. Kanak-kanak mencari jumlah penambahan dengan membilang terus.


13. Guru meminta kanak-kanak mengulang aktiviti tambah dengan menyebut ayat atau menulis ayat. Contoh:

- a. Satu tambah tiga sama dengan empat.
- b. Dua tambah empat sama dengan enam.

14. Guru memperkenalkan simbol tambah (+) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik.

15. Kanak-kanak menyatakan ayat matematik operasi tambah. Contohnya:

- a. $1 + 3 = 4$
- b. $2 + 4 = 6$




Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama buah-buahan.
2. Kanak-kanak dapat memahami konsep penambahan mudah.

Aktiviti 7: Buah-Buahan

1. Guru meminta kanak-kanak menceritakan apa yang dilihat dalam gambar.
2. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai nama buah-buahan yang mereka ketahui.




3. Kanak-kanak bermain mengeja dan menggabungkan suku kata bagi nama-nama buah yang terdapat di dalam gambar.
4. Guru boleh mengajak kanak-kanak menceritakan ciri-ciri bagi buah-buahan tersebut.
5. Antara soalan yang boleh diajukan oleh guru adalah seperti:
 - a. Apakah rasa buah ini?
 - b. Apakah warna buah ini?
 - c. Adakah buah ini mempunyai biji?
 - d. Buah apakah yang berduri tajam?

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama buah-buahan tempatan dan buah-buahan yang diimport.
2. Kanak-kanak dapat mengeja nama buah-buahan yang terdapat dalam gambar.

Aktiviti 8: Padankan Gambar

6. Guru meminta kanak-kanak menamakan buah-buahan yang terdapat dalam buku aktiviti.
7. Kanak-kanak digalakkan untuk bercerita secara bebas berkenaan ciri-ciri buah-buahan tersebut.




8. Kanak-kanak memadankan gambar buah dan pokoknya dengan menyambungkan titik.
9. Guru boleh menunjukkan slaid atau gambar berkaitan buah-buahan dan pokoknya untuk meningkatkan pengetahuan kanak-kanak mengenai tumbuh-tumbuhan.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut ciri-ciri buah-buahan yang diketahui.
2. Kanak-kanak dapat memadankan gambar buah dengan pokoknya.

Aktiviti 9: English Section

5. Teacher gives instruction and children carry them out.
6. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.
7. Teacher helps children to find the hidden words.
8. Children are encouraged to ask questions about the hidden words.



Summary:

3. Children can learn to use correct pronunciation.
4. Children name and recognize the basic parts of a tree: root, trunk, branch, bark, leaves (needles), flowers (cones).

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

5. Guru menunjukkan gambar-gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
6. Guru bercerita mengenai kitaran tumbuh-tumbuhan kepada kanak-kanak.
7. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan untuk memelihara tumbuh-tumbuhan.
8. Guru juga boleh berbincang dengan kanak-kanak kepentingan menjaga tumbuh-tumbuhan.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menceritakan asal usul pokok.
2. Kanak-kanak dapat menceritakan kitaran hidup sebatang pokok.

MODUL HAIWAN

Pengenalan:


Perlindungan hidupan liar kini telah menjadi isu yang menarik minat seluruh dunia. Beberapa jenis haiwan yang kecil bilangannya di dunia ini sedang menghadapi kepupusan jika tidak diberi perlindungan khas. Sekiranya haiwan ini pupus, generasi akan datang hanya akan mengetahuinya dalam khayalan sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil bagi menyelamatkan haiwan liar yang semakin pupus ini. Sehubungan dengan itu, kanak-kanak perlu mendapat pendedahan tentang kepentingan menjaga haiwan sama ada haiwan peliharaan atau haiwan liar supaya hidupan ini terpelihara.

Hasil Pembelajaran:

11. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan-haiwan liar.
12. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan liar yang semakin pupus.
13. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan yang hidup di darat.
14. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan peliharaan.
15. Kanak-kanak dapat menyebut perkara yang perlu dilakukan untuk memelihara haiwan.
16. Kanak-kanak dapat menyebut perkara yang tidak patut dilakukan kepada haiwan.

Aktiviti 1 : Haiwan Liar

14. Guru menunjukkan gambar dan menyoal kanak-kanak seperti “Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini?”
15. Guru boleh menunjukkan salah satu daripada gambar itu dan menyoal kanak-kanak “di mana haiwan ini tinggal?”



16. Teruskan menyoal berkenaan apa yang dilihat dalam gambar itu.
- Contohnya:
- Manakah haiwan yang tinggal di dalam hutan?
 - Manakah haiwan yang kita pelihara?
 - Haiwan manakah yang makan daging?
 - Haiwan manakah yang makan tumbuh-tumbuhan?
 - Manakah haiwan yang semakin pupus?
17. Guru menyoal soalan-soalan lain yang boleh menggalakkan perbualan.

Contohnya:

- Haiwan manakah yang lebih besar, gajah atau harimau?
 - Haiwan manakah yang tinggal di dalam air?
 - Sebutkan nama-nama burung.
18. Bagi aktiviti tambahan guru boleh mengumpulkan gambar-gambar haiwan dan habitatnya.
19. Kanak-kanak boleh diminta untuk memadankan gambar haiwan dengan habitatnya.

Rumusan :

3. Kanak-kanak dapat menyebut nama-nama haiwan yang terdapat di dalam gambar.
4. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan-haiwan liar.
5. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan liar yang semakin pupus.

Aktiviti 2: Mari Mewarna

12. Guru dan kanak-kanak berbincang mengenai gambar yang dilihat.

13. Guru bertanya apakah haiwan yang terdapat di dalam gambar.

14. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dengan bebas mengenai gambar yang dilihat.



15. Kanak-kanak diminta menyatakan bilangan haiwan yang terdapat di dalam gambar.

16. Guru menyoal soalan lain yang boleh menggalakkan perbualan.

Contohnya:

- a. Apakah makanan kambing biri-biri?
- b. Apakah kegunaan bulu kambing biri-biri?
- c. Apakah warna bulu kambing biri-biri?

17. Selepas bersoaljawab, guru meminta kanak-kanak mewarnakan gambar tersebut.

18. Selesai mewarna, nyanyikan lagu di bawah dengan kanak-kanak.

Baa, baa, black sheep,
Have you any wool?
Yes sir, yes sir,
Three bags full.


One for my master,
One for my dame,
And one for the little boy
Who lives down the lane.

Rumusan :

3. Kanak-kanak dapat mewarna dengan betul.
4. Kanak-kanak dapat menyenaraikan kegunaan bulu kambing biri-biri.

Aktiviti 3: Mari Bercerita

1. Guru dan kanak-kanak berbincang mengenai gambar yang dilihat.
2. Guru bertanya apakah haiwan yang terdapat di dalam gambar.
3. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dengan bebas mengenai gambar yang dilihat.
4. Guru membaca cerita berdasarkan gambar yang dilihat.
5. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak dengan cerita yang dibaca.
Contohnya:
 - a. Siapa suka minum susu?
 - b. Dari mana datangnya susu?
 - c. Berapa kali susu boleh diperah dalam sehari?
 - d. Makanan apa yang boleh dihasilkan daripada susu?
6. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang kebaikan susu untuk kesihatan.



Rumusan :


1. Kanak-kanak dapat bercerita tentang dari mana datangnya susu.
2. Kanak-kanak dapat menyebut kebaikan susu kepada kesihatan.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

12. Guru meminta kanak-kanak menyebut nama haiwan yang pernah mereka lihat
13. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah:

Contoh:

ba + dak
 ar + nab
 ku + cing
 lem + bu
 kam + bing
 mo + nyet
 zi + ra + fah




14. Guru meminta kanak-kanak membulatkan huruf vokal (a, e, i, o, u) yang terdapat dalam perkataan di atas.
15. Kanak-kanak menamakan dan membunyikan huruf vokal dalam perkataan tersebut.
16. Kanak-kanak melengkapkan huruf bagi perkataan yang ditunjukkan.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut huruf-huruf vokal.
2. Kanak-kanak dapat mengeja nama-nama haiwan yang mudah.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

7. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak cara menggunting gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
8. Kanak-kanak menggunting gambar tersebut mengikut garisan tepi lukisan.
9. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak cara-cara untuk melipatkan gambar tersebut.
10. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak cara untuk mencantumkan bahagian telinga dan ekor.
11. Kanak-kanak menggunakan gam cair untuk mencantumkan bahagian yang telah digunting.
12. Setelah kanak-kanak melipatkan gambar masing-masing, guru boleh bertanya beberapa soalan. Contohnya:
 - a. Apakah nama haiwan ini?
 - b. Di manakah haiwan ini tinggal?
 - c. Berapakah bilangan kaki yang terdapat pada haiwan ini?
13. Guru boleh meminta kanak-kanak mengeja nama haiwan tersebut.
14. Nota : Jika ada masa, minta kanak-kanak warnakan gambar itu.

**Rumusan :**

3. Kanak-kanak dapat mengikut arahan mudah berkaitan aktiviti yang dilakukan.
4. Kanak-kanak dapat bercerita tentang zirafah.

Aktiviti 6: Mari Mengira



16. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang habitat haiwan-haiwan yang terdapat dalam gambar.
17. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan gajah yang terdapat di dalam gambar.
18. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan burung unta dan juga arnab yang terdapat di dalam gambar.
19. Kanak-kanak boleh diminta untuk mengira jumlah keseluruhan haiwan yang terdapat dalam gambar.
20. Guru menerangkan konsep penambahan berdasarkan objek yang diberi.
21. Kanak-kanak mencari jumlah penambahan dengan membilang terus.
22. Guru meminta kanak-kanak mengulang aktiviti tambah dengan menyebut ayat atau menulis ayat. Contoh:
 - a. Satu tambah satu sama dengan dua.
 - b. Dua tambah dua sama dengan empat.
 - c. Dua tambah empat tambah empat sama dengan sepuluh.
23. Guru memperkenalkan simbol tambah (+) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik.

24. Kanak-kanak menyatakan ayat matematik operasi tambah. Contohnya:

a. $1 + 1 = 2$

b. $2 + 2 = 4$

c. $2 + 4 + 4 = 10$

Rumusan :

3. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan yang hidup di darat.
4. Kanak-kanak dapat mengira dan memahami konsep penambahan mudah.

Aktiviti 7: Siapa Saya?

13. Guru meminta kanak-kanak membilang angka 1-14.

14. Guru meminta kanak-kanak menyambung angka-angka tersebut mengikut urutan.

15. Kanak-kanak menyambung titik-titik angka bagi menghasilkan gambar yang lengkap.



16. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar yang terhasil.

17. Guru boleh terus menyoal kanak-kanak berkenaan gambar yang dihasilkan. Contohnya:

- a. Di manakah haiwan ini tinggal?
- b. Apakah makanan haiwan ini?
- c. Bilakah haiwan ini tidur?
- d. Apakah warna haiwan tersebut?
- e. Bagaimanakah bunyi haiwan tersebut?

18. Guru mengajak kanak-kanak membuat bunyi haiwan tersebut.

19. Nota : Jika ada masa, minta kanak-kanak warnakan gambar itu.

20. Guru juga boleh mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu di bawah:

Matahari terbenam,
 Hari mula malam,
 Terdengar burung hantu,
 Suaranya merdu,
 Hu-hu... hu-hu... hu-hu...

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyambung titik-titik mengikut urutan nombor yang betul.
2. Kanak-kanak dapat menceritakan tentang burung hantu.

Aktiviti 8: Padankan Gambar

10. Guru memperdengarkan bunyi haiwan dan kanak-kanak diminta meneka bunyi itu.
11. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai haiwan liar dan haiwan peliharaan yang diketahui oleh mereka.




12. Kanak-kanak menamakan haiwan berpandukan bunyi yang diperdengarkan (bunyi haiwan yang terdapat di dalam gambar).
13. Kanak-kanak mengajuk bunyi haiwan yang diperdengarkan.
14. Kanak-kanak bermain mengeja dan menggabungkan suku kata yang terdapat dalam buku aktiviti.
15. Kanak-kanak memadankan perkataan yang telah dieja dengan gambar.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan liar dan haiwan peliharaan.
2. Kanak-kanak dapat membuat padanan gambar dengan perkataan yang sesuai.

Aktiviti 9: English Section

9. Teacher gives instruction and children carry them out.
10. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.
11. Teacher helps children to find the hidden words.




12. Children are encouraged to ask questions about the hidden words.

Summary:

5. Children can learn to use correct pronunciation.
6. Children have a set of vocabulary words related to animals.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

9. Guru menunjukkan gambar-gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
10. Guru bercerita mengenai situasi dalam setiap gambar tersebut.
11. Guru meminta kanak-kanak menyebut sama ada perbuatan di dalam gambar itu boleh atau tidak dilakukan.
12. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan terhadap haiwan liar dan haiwan peliharaan.
13. Kanak-kanak menandakan (\checkmark) bagi perbuatan yang benar, dan (\times) bagi perbuatan yang salah.

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat menyebut perkara yang perlu dilakukan untuk memelihara haiwan.
2. Kanak-kanak dapat menyebut perkara yang tidak patut dilakukan kepada haiwan.

MODUL UDARA

Pengenalan:

Pencemaran udara berlaku apabila terdapat benda asing dalam kepekatan yang mengganggu atau membahayakan manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang dan harta benda. Benda asing ini adalah di dalam bentuk habuk, asap, kabus, wap dan gas (karbon monoksida, nitrogen). Berdasarkan laporan yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar, melalui akhbar Utusan Pengguna pada tahun 2001, jumlah keluaran bahan-bahan pencemaran udara di Malaysia dianggarkan sebanyak 933,000 tan setahun. Daripada jumlah ini, kenderaan adalah punca utama pencemaran udara (58.1%), diikuti oleh stesen janakuasa (23.9%), pembakaran bahan api industri (9.4%), pemprosesan industri (3.9%) dan pembakaran secara terbuka (4.9%).

Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menyebut punca pencemaran udara.
2. Kanak-kanak dapat menyebut kesan pencemaran udara kepada manusia dan hidupan lain.
3. Kanak-kanak dapat mengetahui jenis-jenis angin.
4. Kanak-kanak dapat mengetahui kepentingan angin.
5. Kanak-kanak dapat mengetahui kesan setiap jenis angin kepada manusia dan harta benda.
6. Kanak-kanak dapat menyebut perkara yang perlu dilakukan untuk menjaga kebersihan udara.

Aktiviti 1 : Kesan Pencemaran

20. Guru menunjukkan gambar seperti yang terdapat dalam buku aktiviti.

21. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam setiap gambar.

22. Guru boleh menunjukkan gambar-


gambar berkaitan punca pencemaran udara. Contohnya:

- a. Asap kereta.
- b. Asap kilang.
- c. Asap rokok.
- d. Pembakaran sampah secara terbuka.

23. Guru mengaitkan kesan pencemaran udara terhadap kesihatan dan persekitaran. Contohnya:

- a. Pedih mata.
- b. Sesak nafas.
- c. Jerebu.
- d. Tumbuhan mati.
- e. Pemanasan bumi

24. Guru boleh menunjukkan iklan atau poster berkaitan kempen kerajaan seperti menghijaukan bumi dan sebagainya kepada kanak-kanak sebagai pendedahan terhadap penjagaan alam sekitar.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut punca pencemaran udara.
2. Kanak-kanak dapat menyebut kesan pencemaran udara kepada manusia dan hidupan lain.

Aktiviti 2: Mari Mewarna

21. Guru mengajukan soalan seperti

“Apakah yang terdapat dalam gambar ini?”

22. Guru menceritakan situasi yang berlaku dalam gambar. Antara perkataan baru yang boleh diperkenalkan kepada kanak-kanak adalah seperti:

- a. Ribut.
- b. Taufan.
- c. Puting beliung.
- d. Bergelora.


23. Guru boleh menyoal kanak-kanak berkaitan gambar untuk menggalakkan mereka bercerita. Contoh soalan:

- a. Apakah yang menyebabkan pokok-pokok itu condong?
- b. Apakah yang menyebabkan laut itu bergelora?

24. Kanak-kanak mewarnakan gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.

25. Guru boleh mengajak kanak-kanak menjejaki kehadiran angin. Contoh aktiviti:

- a. Mengibaskan tangan ke muka.
- b. Meniup tangan masing-masing.
- c. Berdiri di luar kelas untuk merasai kehadiran angin.
- d. Memerhatikan daun-daun pokok yang sedang bergerak-gerak.

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat mengetahui jenis-jenis angin (ribut, taufan).
2. Kanak-kanak dapat mengetahui kesan setiap jenis angin kepada manusia dan harta benda.

Aktiviti 3: Mari Bercerita

19. Guru menunjukkan gambar kapal layar kepada kanak-kanak.
20. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dengan bebas mengenai gambar yang dilihat.
21. Guru membaca cerita yang terkandung dalam buku aktiviti.



22. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak dengan cerita yang dibaca.

Contohnya:

- a. Bagaimanakah kapal layar bergerak?
 - b. Apakah kegunaan kapal layar?
 - c. Di manakah kita boleh melihat kapal layar?
23. Guru boleh mengajak kanak-kanak menyanyi bersama-sama lagu di bawah:


Row, row, you boat,
Gently down the stream,
Merrily, merrily, merrily,
Life is but a dream.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat memahami bagaimana angin dapat membantu kapal layar bergerak.
2. Kanak-kanak dapat membaca cerita kapal layar dengan betul.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

17. Guru meminta kanak-kanak menceritakan gambar yang ditunjukkan dalam buku aktiviti.
18. Guru berbicara dengan kanak-kanak perkataan-perkataan yang dapat dikaitkan dengan angin dan udara (wap, belon panas, gas).



19. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah:

Contoh:

pam
a + ngin
ki + pas
ki + bar

20. Guru meminta kanak-kanak membulatkan huruf konsonan yang terdapat dalam perkataan di atas.
21. Kanak-kanak menamakan dan membunyikan huruf konsonan dalam perkataan tersebut.
22. Kanak-kanak melengkapkan huruf bagi perkataan yang ditunjukkan.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut perkataan-perkataan yang ada kaitan dengan angin dan udara dengan betul.
2. Kanak-kanak dapat mengisi tempat kosong dengan huruf yang betul.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

15. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak cara menggunting gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.

16. Guru membimbing kanak-kanak cara-cara untuk melekatkan blu-tac dan membuat lubang pada bahagian tengah dan pepenjuru gambar.

17. Kanak-kanak dibimbing untuk melipatkan setiap pepenjuru dan memasang kincir angin.

18. Guru meminta kanak-kanak meniup kincir angin yang dihasilkan.

19. Guru juga boleh mengajak kanak-kanak ke luar kelas dan menguji kekuatan angin menggunakan kincir angin yang telah dihasilkan.

20. Guru bercerita dengan kanak-kanak bahawa kita perlukan udara yang bersih untuk pernafasan. Udara yang bersih akan menjadikan kita sihat.



Rumusan :

5. Kanak-kanak dapat mengikut arahan mudah berkaitan aktiviti yang dilakukan.
6. Kanak-kanak dapat bercerita tentang kincir angin.


Aktiviti 6: Mari Mengira

25. Guru meminta kanak-kanak menamakan serangga yang terdapat di dalam gambar.

26. Guru bersoaljawab tentang ciri-ciri rama-rama dengan kanak-kanak.

Contohnya:

- a. Siapa yang pernah melihat rama-rama di persekitaran rumah masing-masing?
- b. Apakah warna rama-rama tersebut?
- c. Bagaimanakah rama-rama ini bergerak?



27. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan rama-rama yang terdapat di dalam gambar.

28. Guru menerangkan konsep pengurangan berdasarkan objek yang diberi.

29. Kanak-kanak mencari jumlah pengurangan dengan membilang terus.

30. Guru meminta kanak-kanak mengulang aktiviti pengurangan dengan menyebut ayat. Contoh:

- a. Dua tolak satu sama dengan satu.
- b. Tiga tolak satu sama dengan dua.

31. Guru memperkenalkan simbol tolak (-) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik.

32. Kanak-kanak menyatakan ayat matematik operasi pengurangan.

Contohnya:

a. $2 - 1 = 1$

b. $3 - 1 = 2$

33. Guru boleh mengajak kanak-kanak membuat pergerakan seperti rama-rama yang sedang terbang.

Rumusan :

5. Kanak-kanak dapat mengetahui bagaimana rama-rama bergerak.
6. Kanak-kanak dapat mengira dan memahami konsep pengurangan mudah.

Aktiviti 7: Siapa Saya?

17. Guru meminta kanak-kanak mewarnakan bahagian yang bertanda titik dalam gambar dengan warna kuning.

18. Guru meminta kanak-kanak meneka gambar yang terhasil.



19. Guru boleh menceritakan kegunaan penunjuk arah angin kepada kanak-kanak. Contohnya:

- a. Menentukan kedudukan arah tiupan angin.
- b. Digunakan di lapangan terbang untuk mengetahui arah dan kekuatan angin.


Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut kegunaan penunjuk arah angin dengan betul.
2. Kanak-kanak dapat mewarnakan bahagian yang ditandakan dengan betul.

Aktiviti 8: Padankan Gambar

16. Guru meminta kanak-kanak menceritakan apa yang dilihat dalam gambar.

17. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai jenis-jenis cuaca (hujan, panas, sejuk).



18. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang pakaian yang sesuai dipakai dengan cuaca yang tertentu.

19. Guru bersoal jawab dengan kanak-kanak tentang peralatan yang sesuai digunakan dengan cuaca yang tertentu


20. Guru meminta kanak-kanak membuat padanan gambar jenis pakaian/peralatan dengan cuaca.

Rumusan :

1. Kanak-kanak menyebut jenis-jenis cuaca
2. Kanak-kanak dapat memadankan jenis pakaian / peralatan dengan keadaan cuaca.

Aktiviti 9: English Section

13. Teacher gives instruction and children carry them out.
14. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.
15. Help children to improve their spellings, sounds and meanings.

**Summary :**

1. Children can improve their spellings, sounds and meanings.
2. Children learned vocabulary related to weather.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya


14. Guru menunjukkan gambar-gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.

15. Guru bercerita mengenai situasi dalam setiap gambar tersebut.

16. Guru meminta kanak-kanak menyebut sama ada perbuatan di dalam gambar itu boleh atau tidak dilakukan.

17. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan untuk mengelakkan pencemaran udara.

18. Kanak-kanak menandakan (\checkmark) bagi perbuatan yang benar, dan (\times) bagi perbuatan yang salah.

**Rumusan :**

3. Kanak-kanak dapat menyebut perkara yang perlu dilakukan untuk menjaga kebersihan udara.
4. Kanak-kanak dapat menyebut perkara-perkara yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran udara.

MODUL KITAR SEMULA

Pengenalan:

Setiap hari kita menghasilkan lebih daripada 16,000 tan sampah. Kos untuk melupuskan sampah ini pula mencecah berjuta-juta ringgit. Setiap tahun jumlah sampah yang dibuang oleh orang ramai akan terus meningkat dan kawasan pelupusan sampah pula semakin penuh. Kita boleh membantu mengurangkan jumlah sampah yang dibuang dengan melakukan kitar semula. Kitar semula akan mengurangkan jumlah barangan buangan dan ini akan mengurangkan keperluan serta jangka hayat tapak pelupusan sampah. Pencemaran juga dapat dikurangkan dan mengelakkan penggunaan tenaga yang berlebihan. Kitar semula juga lebih murah dan mudah dilaksanakan berbanding dengan penyelenggaraan tapak atau sistem pelupusan sampah yang lain. Paling penting kitar semula meningkatkan kebersihan dan kualiti hidup kita.


Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis pencemaran.
2. Kanak-kanak dapat menyebut punca-punca pencemaran.
3. Kanak-kanak dapat menamakan jenis bahan yang dapat dikitar semula.
4. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis barang yang dihasilkan melalui bahan kitar semula.
5. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan kitar semula.
6. Kanak-kanak dapat bercerita tentang kepentingan menjaga alam sekitar.
7. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara untuk menjaga alam sekitar.

Aktiviti 1 : Kesan Pencemaran

25. Guru menunjukkan gambar dan menyoal kanak-kanak seperti “Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini?”

26. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam setiap gambar.



27. Guru boleh menceritakan kesan pencemaran kepada kanak-kanak.

Contohnya:

- a. Sungai tercemar.
- b. Hidupan air mati.
- c. Pemanasan bumi.
- d. Tumbuhan mati.
- e. Udara tercemar.

28. Guru bersoal jawab dengan kanak-kanak tentang punca berlakunya keadaan di atas.

29. Guru boleh meminta kanak-kanak memberi cadangan cara-cara untuk menjaga alam sekitar.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis pencemaran.
2. Kanak-kanak dapat menyebut punca-punca pencemaran.

Aktiviti 2: Mari Mewarna

1. Guru meminta kanak-kanak mewarnakan gambar dalam buku aktiviti dengan cara yang betul.
2. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar yang terhasil. Contohnya:
 - a. Apakah yang sedang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut?
 - b. Apakah benda yang sedang dikutip oleh kanak-kanak itu?
 - c. Apakah yang boleh dilakukan dengan tin dan botol yang telah digunakan itu?
3. Kanak-kanak boleh diminta untuk menamakan bahan-bahan lain yang boleh dikitar semula.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menamakan jenis bahan yang dapat dikitar semula.
2. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis barang yang dihasilkan melalui bahan kitar semula.

Aktiviti 3: Mari Bercerita

26. Guru menunjukkan gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.

27. Guru dan kanak-kanak berbincang mengenai gambar yang dilihat.

28. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar tersebut. Contohnya:

- a. Apakah yang terdapat di sekeliling rumah itu?
- b. Apakah yang menyebabkan perkara ini berlaku?
- c. Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengelakkan perkara ini berlaku?

29. Guru boleh mengaitkan kepentingan menjaga alam sekitar supaya hidupan air dan darat terjaga.



Rumusan :

1. Kanak-kanak diminta menyebut kepentingan menjaga alam sekitar.
2. Kanak-kanak menyebut cara-cara menjaga kebersihan di sekitar tempat tinggal.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

23. Kanak-kanak diminta menyatakan apa yang dilihat dalam gambar.
24. Kanak-kanak berbincang dengan guru tentang benda/barang yang boleh dibuat daripada kertas yang dikitar semula.
25. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah:

Contoh:

ka + ca

bo + tol

ker + tas

26. Guru boleh meminta kanak-kanak mengeja perkataan-perkataan lain berkaitan bahan-bahan kitar semula seperti:


tin

ta + yar

ko + tak

plas + tik

ba + te + ri




Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut tentang benda/barang yang boleh dibuat daripada kertas yang dikitar semula.
2. Kanak-kanak dapat menyebut perkataan-perkataan yang boleh dikaitkan dengan kitar semula.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

21. Guru menyebut bahan-bahan untuk membuat ampai-ampai kepada kanak-kanak.

22. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak cara-cara untuk menggunting pinggan kertas.



23. Guru menggunting beg plastik dan melekatkannya pada pinggan kertas.

24. Kanak-kanak melakukan aktiviti membuat ampai-ampai dengan bimbingan guru.

25. Guru menggalakkan kanak-kanak melukis dan mewarnakan ampai-ampai masing-masing.

26. Ampai-ampai yang sudah siap ditampal pada papan kenyataan kelas.

Rumusan :


7. Kanak-kanak dapat mengikut arahan mudah berkaitan aktiviti yang dilakukan.
8. Kanak-kanak dapat bercerita tentang ampai-ampai.

Aktiviti 6: Mari Mengira

34. Guru memberitahu kanak-kanak bahawa botol kaca boleh dikitar semula.

35. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan botol yang terdapat di dalam gambar.

36. Guru menerangkan konsep pengurangan berdasarkan objek yang diberi.



37. Kanak-kanak mencari jumlah pengurangan dengan membilang terus.

38. Guru meminta kanak-kanak mengulang aktiviti pengurangan dengan menyebut ayat. Contoh:

- a. Empat tolak dua sama dengan dua.
- b. Enam tolak tiga sama dengan tiga.

39. Guru memperkenalkan simbol tolak (-) dan sama dengan (=) dalam ayat matematik.

40. Kanak-kanak menyatakan ayat matematik operasi pengurangan.

Contohnya:


- a. $4 - 2 = 2$
- b. $6 - 3 = 3$

Rumusan :

7. Kanak-kanak dapat mengetahui bahawa botol kaca boleh dikitar semula.
8. Kanak-kanak dapat mengira dan memahami konsep pengurangan mudah.

Aktiviti 7: Bahan Kitar Semula

21. Guru meminta kanak-kanak menamakan barang-barang yang terdapat di dalam gambar.
22. Guru meminta kanak-kanak mewarnakan barang-barang yang boleh dikitar semula.
23. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai kegunaan barang-barang yang boleh dikitar semula seperti yang terdapat di dalam gambar.
24. Kanak-kanak bermain mengeja dan menggabungkan suku kata bagi nama-nama barang yang terdapat di dalam gambar.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menamakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula.
2. Kanak-kanak dapat mengeja nama-nama barang yang terdapat di dalam gambar.

Aktiviti 8: Padankan Gambar

1. Guru menerangkan simbol kitar semula seperti yang terdapat di dalam gambar.
2. Guru menceritakan kepentingan kitar semula kepada kanak-kanak.
3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai bahan-bahan yang boleh dikitar semula.
4. Kanak-kanak diminta untuk membuat padanan gambar dengan menyambungkan titik-titik.
25. Guru boleh menunjukkan gambar-gambar bahan yang telah dikitar semula kepada kanak-kanak.




Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan kitar semula.
2. Kanak-kanak dapat membuat padanan gambar dengan menyambungkan titik-titik.

Aktiviti 9: English Section

16. Teacher gives instruction and children carry them out.
17. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.
18. Help children to fill the blank words.
19. Children are encouraged to ask questions about the words.



Summary :

1. Children can improve their writing and spelling skills.
2. Children learned not to throw small rubbish anywhere but put it in its proper container.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

19. Guru menunjukkan gambar-gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.

20. Guru bercerita mengenai situasi dalam setiap gambar tersebut.

21. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang kepentingan menjaga alam sekitar.



22. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang cara-cara yang boleh dilakukan untuk menjaga alam sekitar. Contohnya:

- a. Mengurangkan penggunaan beg plastik dengan cara membawa bakul sekiranya pergi ke pasar.
- b. Membawa bekal makanan ke sekolah.
- c. Membawa bekal minuman ke sekolah.
- d. Menggunakan semula sampul surat.
- e. Menggunakan kedua-dua belah muka surat kertas.

23. Kanak-kanak menandakan (✓) bagi perbuatan yang benar, dan (x) bagi perbuatan yang salah.

Rumusan :

5. Kanak-kanak dapat bercerita tentang kepentingan menjaga alam sekitar.
6. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara untuk menjaga alam sekitar.

Alam Gemilang

Indahnya alam ini
Damai segar dan berseri
Pohon-pohon merimbun
Air di kali mengalir jernih
Hijau bumi pantai indah memutih

Bersama kita belai
Agar kekal bumi yang permai
Hentikan pencemaran
Jadi pegangan sepanjang masa
Keindahan alam warisan kita

Kita semaikan sikap terpuji
Alam sekitar wajar dijagai
Satu wawasan murni gemilang
Negara bersih rakyat cemerlang

Ikrar Alam Sekitar

Bahawa kami rakyat Malaysia
Berikrar
Akan sentiasa berusaha
Dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab
Untuk mengekalkan dan meningkatkan
Kualiti alam sekitar
Dengan memperseimbangkan
Pembangunan negara
Dan melindungi alam sekeliling kita
Berdasarkan konsep Pembangunan Mapan
Selaras dengan Deklarasi Langkai
Semoga Negara
Sentiasa bersih, indah
Disayangi
Serta dihormati